Selamat Menyambut Hari Raya
Aidiladha

1 - 15 JULAI, 2022

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# PULAU PINANG

## tuntut layanan lebih adil

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mendesak Kerajaan Persekutuan agar memberikan layanan lebih adil kepada Pulau Pinang supaya rakyat di negeri ini dapat menerima manfaat pembangunan yang sewajarnya.

Beliau berkata, walaupun Pulau Pinang menjadi antara negeri tertinggi yang menyumbang kepada jumlah pelaburan serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), namun sumbangan dan usaha Kerajaan Negeri tidak diberikan ganjaran setimpal oleh Kerajaan Persekutuan.

"Hampir kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam Dewan yang mulia ini bersetuju dan merasakan bahawa negeri Pulau Pinang telah dianaktirikan daripada manfaat pembangunan.

"Apa yang dimohon oleh Kerajaan Negeri adalah bukan layanan istimewa, sebaliknya layanan yang adil daripada Kerajaan Persekutuan supaya rakyat di negeri ini dapat menikmati manfaat daripada pembangunan negara," katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Jun lalu.

Justeru menurut beliau, sebagai langkah proaktif, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang bertujuan mengenal pasti isu melibatkan hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk pengagihan sumber yang lebih saksama.



KETUA Menteri menunjukkan isyarat tangan yang menggambarkan 90 peratus janji manifesto Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 berjaya ditunaikan seusai sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

"Laporan yang disediakan oleh jawatankuasa ini telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Jawatankuasa Kerjasama Semua Negeri dan Jawatankuasa Penambahbaikan Persekutuan-Negeri di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri berharap agar cadangan yang diberikan tersebut akan mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan untuk kepentingan negeri Pulau Pinang khasnya," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Kon Yeow menjelaskan bahawa hanya enam daripada 111 projek yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi tahun 2022 telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Walau bagaimanapun, mengambil kira sumbangan nilai ekonomi negeri kepada negara ini, Pulau Pinang sepatutnya layak dipertimbangkan lebih banyak projek untuk dilaksanakan bagi manfaat rakyat," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa Pulau Pinang mencatatkan nilai eksport berjumlah RM310 bilion pada tahun 2020 yang mewakili 32 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara.

"Malah, Pulau Pinang juga telah menjana RM110 bilion nilai lebihan dagangan pada tahun yang sama walaupun kita merupakan antara negeri terkecil di Malaysia," ulasnya lanjut.

# Tumpu aspek keselamatan bekalan makanan rakyat - TYT

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan tumpuan terhadap aspek keselamatan makanan dalam memastikan rakyat di negeri ini memperoleh bekalan makanan yang selamat, mencukupi dan bersih.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata bahawa perkara itu penting seiring dengan peningkatan inflasi di negeri Pulau Pinang iaitu kepada kadar 2.2 peratus pada Mac tahun ini berbanding bulan yang sama tahun lepas.

"Tinjauan Pasaran Komoditi oleh Laporan Bank Dunia juga memberi amaran bahawa kenaikan harga sumber tenaga akan menimbulkan risiko inflasi ketara dalam pasaran dan negara membangun yang mana telah meningkatkan kos input pertanian dengan ketara.

"Oleh itu, program keselamatan makanan wajar diberikan tumpuan agar penduduk di Pulau Pinang dapat mendepani cabaran inflasi atau hiperinflasi yang menjadi topik hangat perbincangan penganalisis ekonomi masa ini," katanya dalam ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 27 Mei lalu.

Turut hadir, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Ketua Pembangkang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor; Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; Ahli-ahli Exco serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Ahmad Fuzi menyatakan bahawa walaupun tidak mempunyai tanah pertanian yang luas, namun Pulau Pinang mampu meningkatkan produktiviti pertanian melalui penggunaan kepelbagaian tanaman yang mengeluarkan hasil tinggi dalam tempoh masa singkat.

Menurut beliau, penggunaan input pertanian yang menggalakkan pertumbuhan serta aplikasi teknologi moden yang tidak menggunakan tanah sebagai medium tanaman telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti tanaman di negeri ini.



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak menyempurnakan kawalan kehormatan Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.




"Sebagai contoh, hasil pengeluaran padi yang direkodkan di negeri ini merupakan antara tertinggi dalam negara dan menduduki tempat pertama pada tahun 2020 dengan purata sebanyak 5.214 tan metrik per hektar berbanding 5.012 tan metrik pada 2019.

"Pada tahun ini pula, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang menyasarkan purata hasil pengeluaran padi ditingkatkan kepada 6.2 tan metrik per hektar," jelasnya lanjut.

Selain hasil padi, Ahmad Fuzi memberitahu bahawa Pulau Pinang turut mencatatkan pengeluaran ikan sangkar paling tinggi dalam negara selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2019 iaitu sebanyak 12,039.45 metrik tan dengan nilai RM260.8 juta.

"Bagi memastikan kelestarian sektor pertanian ini, peranan serta penyertaan aktif pihak swasta adalah amat diperlukan terutamanya pertanian berskala besar serta berteknologi tinggi.

"Namun begitu, pelaburan swasta dalam industri agromakanan masih kurang berbanding industri lain seperti perladangan, pembuatan dan perkhidmatan," ulasnya.

Pada masa sama, Ahmad Fuzi memberitahu bahawa Pulau Pinang diiktiraf sebagai negeri kedua terbaik dalam aspek liputan komunikasi berdasarkan statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 penduduk di negeri Pulau Pinang pada ketika ini adalah sebanyak 153.5 peratus iaitu melebihi kadar nasional (128.2 peratus).

"Sementara itu, kadar penembusan jalur lebar tetap (berwayar) di negeri ini adalah sebanyak 49.4 peratus yang juga melebihi kadar nasional (41.4 peratus)," jelasnya.

Pada kesempatan itu, Ahmad Fuzi turut menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai Ketua Menteri (Chow Kon Yeow) kerana mengutamakan agenda kelangsungan hidup rakyat semasa tempoh penularan pandemik COVID-19.

"Pemberian Pakej Bantuan Khas Penang Lawan COVID-19 berjumlah RM176.45 juta adalah untuk mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi yang terjejas," katanya.

Malah, beliau percaya bahawa Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dapat mengurangkan kesan pandemik melalui bantuan jangka masa pendek dan jangka panjang.

"Pelan tindakan ini dirangka untuk membantu penggiat-penggiat industri pelancongan agar mereka tidak ketinggalan.

"Malah, langkah ini juga dapat mengurangkan kerugian, mendorong permintaan yang lebih tinggi, meningkatkan ekonomi serta memastikan ketahanan industri pelancongan," ulasnya.

Beliau dalam pada itu memberitahu bahawa pelaksanaan program kebajikan seperti Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) dan i-Sejahtera menjadi lambang keprihatinan dan penghargaan Kerajaan Negeri kepada setiap rakyat di negeri ini.

"Malah, kejayaan Mutiara Foodbank sejak penubuhannya pada tahun 2017 sememangnya memberikan impak positif kepada rakyat dan Kerajaan Negeri.

"Pada tahun 2021, sebanyak 250 tan metrik makanan telah diselamatkan dan memberi manfaat kepada 24,962 penerima," jelasnya.

Terdahulu, Ahmad Fuzi berkenan menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada tiga pegawai dan 102 anggota lain-lain pangkat diketuai oleh Deputi Supritendan Mohd. Hakim Mohd. Said.

Mengiringi istiadat kawalan kehormatan adalah Pancaragam PDRM Kontinjen Negeri Kedah di bawah pimpinan Sub Inspektor Abdul Rashid Abdullah.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Keseimbangan demi pembangunan lestari

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberikan tumpuan terhadap usaha merapatkan jurang di antara bahagian pulau dan Seberang Perai bagi mencapai pembangunan yang lestari.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa kaedah khususnya melalui pewartaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) pada 24 Oktober 2019.

"RSNPP 2030 ini diterjemahkan oleh Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dalam bentuk peta cadangan guna tanah serta pelan-pelan tindakan terperinci.



**CHOW Kon Yeow.**

"Tatacara proses penyediaan RT dan RKK telah mengambil kira semua input yang melibatkan data penduduk terkini, keadaan fizikal dan aktiviti semasa guna tanah serta diunjurkan mengikut trend pembangunan semasa sehingga tahun 2030," katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Jun lalu.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut merangka beberapa inisiatif bagi melaksanakan lebih banyak pembangunan di kawasan Seberang Perai.

"Antaranya, melalui penyediaan Pelan Strategik PDC yang memfokuskan kepada pertumbuhan kawasan pembangunan baharu berorientasikan 'Bandar Hijau dan Pintar' dan peningkatan nilai aset serta penggerak bagi inisiatif Kerajaan Negeri yang seimbang.

"Selain itu, Pelan Induk Pembangunan Bandar Cassia yang melibatkan kombinasi pembangunan bercampur dan bersepadu merangkumi perumahan, komersial, pendidikan, perubatan dan perindustrian turut dirangka.

"Malah, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan kawasan Batu Kawan yang merupakan salah satu kawasan katalis pertumbuhan pesat di Seberang Perai dan sememangnya banyak industri tertumpu di kawasan ini," ulasnya.

Beliau berkata, walaupun Seberang Perai membangun dengan pesat namun masih terdapat beberapa masalah yang membelenggu penduduk seperti kesesakan lalu lintas, pengurusan sisa, pencemaran sungai dan masalah bekalan air.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua agensi yang terlibat agar membuat perancangan yang rapi bagi memastikan penyediaan infrastruktur mampu mengejar proses pembangunan yang pesat terutamanya di Seberang Perai.

"Namun begitu, usaha menambah baik kemudahan dan fasiliti ini memerlukan peruntukan yang besar kerana terdapat banyak projek infrastruktur adalah di luar kemampuan Kerajaan Negeri.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk memastikan Seberang Perai menjadi pemangkin pertumbuhan untuk masa




depan," tegasnya.

Tambah Kon Yeow, walaupun menghadapi kekangan dari segi peruntukan, namun Kerajaan Negeri masih berusaha untuk menangani isu-isu yang dihadapi di Seberang Perai khususnya melibatkan masalah kesesakan lalu lintas.

"Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu kesesakan lalu lintas di Seberang Perai adalah dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas awam dan menaik taraf infrastruktur jalan.

"Antara projek atau perkhidmatan yang sedang dilaksanakan termasuk (perkhidmatan) bas henti-henti dan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) Komtar di Kepala Batas, Seberang Jaya dan Jawi.

"Selain itu, perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) *Bridge* juga disediakan dari Bayan Baru ke Seberang Jaya selain perkhidmatan feri bot laju untuk penumpang.

"Projek pembinaan Jambatan Valdor yang menghubungkan Jalan Persekutuan 1 dengan Batu Kawan oleh pihak PDC juga dilaksanakan di samping projek pelebaran Jambatan Batu Kawan.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan projek menaik taraf jalan dari persimpangan Jalan Bukit Tengah dengan Jalan Bukit Minyak 2 hingga persimpangan Jalan Bukit Minyak dengan Jalan Kota Permai," ulasnya lanjut.

Terdahulu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk merapatkan jurang sosioekonomi di antara kawasan bandar dan luar bandar sebagaimana yang digariskan dalam Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Kerajaan Negeri memberikan penekanan kepada penyediaan infrastruktur asas, liputan bekalan elektrik dan air serta struktur komunikasi termasuk di kawasan luar bandar.

"Malah, Kerajaan Negeri juga sentiasa menambah baik dan menaik taraf kemudahan infrastruktur serta jaringan jalan raya bagi membawa perkhidmatan ini ke kawasan yang memerlukan," ujarnya.

# 90% pencapaian manifesto PRU14 tidak mengelirukan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Tidak mengambil kira dua aku janji yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 9 Mei 2018 disebabkan ada pertindihan bidang kuasa dengan Kerajaan Persekutuan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa pentadbirannya terus komited untuk menunaikan semua 66 janji berbaki demi meningkatkan kualiti hidup penduduk di negeri ini.

Selepas genap empat tahun, kata Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, pentadbirannya berjaya menunaikan 54 aku janji sementara baki 12 lagi dalam pelbagai peringkat proses pelaksanaan.

"Saya kata 54 (aku janji) sudah ditepati, maksudnya ada 12 (aku janji lain) dalam proses pelaksanaan.

"Dan, dalam 12 manifesto itu adalah dalam beberapa peringkat pelaksanaan - antaranya enam (aku janji) ada komitmen daripada sudut bajet (dan tertakluk) kepada perjanjian pun (maka) kita (Kerajaan Negeri) anggap dalam proses (pelaksanaan).

"Daripada 12 (aku janji yang dalam proses pelaksanaan), saya ambil enam (aku janji sahaja), enam campur 54 menyamai 60 dan 60 daripada 66 adalah menyamai 90 peratus pencapaian," jelasnya semasa sesi penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 3 Jun 2022.

Penjelasan Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu sekali gus menyanggah tuduhan ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang menganggap 90 peratus aku janji dalam manifesto Kerajaan Negeri berjaya ditunaikan dalam tempoh empat tahun ini sebagai tindakan mengelirukan dewan dan orang awam.



**SPEAKER DUN, Dato' Law Choo Kiang tidak melepaskan peluang bergambar bersama-sama replika Tapir Malaya yang dihasilkan oleh *Artopia International Art Village*, Balik Pulau dan dipamerkan di pintu masuk Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.**

# ‘Hidupkan’ semula *Car Free Day*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**






**JAGDEEP Singh Deo (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen (kanan sekali) dan ADUN Jawi, Jason H’ng Mooi Lye.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bercadang mengembalikan semula pelaksanaan program Hari Tanpa Kenderaan atau *Car Free Day* yang dihentikan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa program tersebut merupakan usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang yang dilihat sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, bersih, sihat dan selamat.

“Walau bagaimanapun, ia dihentikan seketika akibat pandemik COVID-19 yang mana tidak terlintas pun bahawa pandemik akan melanda seluruh dunia.

“Kini, memasuki fasa endemik, banyak sektor telah mula beroperasi kembali secara berperingkat dan sememangnya kita (Kerajaan Negeri) bercadang mengadakan semula *Car Free Day* dalam waktu terdekat ini,” ujarnya sebagai respons terhadap soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 1 Jun 2022.

Menurut Jagdeep, di bahagian pulau, program tersebut dijalankan pada setiap Ahad di Lebuh Pantai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala di bahagian Seberang Perai, diadakan di Jalan Todak, Bandar Sunway Seberang Jaya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada Ahad minggu pertama setiap bulan.

“Program ini memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengamalkan gaya hidup lestari melalui program berbasikal atau menjalankan aktiviti jualan, malah juga menarik minat pelancong tempatan serta luar negara untuk menyertainya.

“Oleh itu, saya bersetuju dengan YB Berapit sekiranya program ini dapat diperluaskan lagi ke Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan dan tidak hanya tertumpu di bahagian tengah (Seberang Perai Tengah).

“(Dan) saya akan meminta serta menyarankan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melihat tempat-tempat yang sesuai dan melaksanakan program ini dalam masa terdekat,” kata ADUN Datok Keramat itu.

## Hanya 12.8% RMM dibina Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Hanya 12.8 peratus atau bersamaan 5,897 unit rumah mampu milik (RMM) dibina oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi-agensi berkaitan di negeri Pulau Pinang setakat ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa jumlah tersebut wajar ditingkatkan kerana tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik perlu dipikul bersama oleh Kerajaan Persekutuan.

“Kerajaan Persekutuan perlu mengambil kira sumbangan negeri Pulau Pinang kepada hasil percukaian dan pelaburan yang merupakan antara yang tertinggi dalam negara.

“Usaha ini patut ditingkatkan lagi khususnya dengan peruntukan belanjawan yang besar dan permintaan tinggi di Pulau Pinang.

“Permintaan Pulau Pinang berkaitan penyediaan unit sewa juga perlu diteruskan khususnya pasca pandemik yang memberi tekanan kepada pemaju swasta untuk berdaya saing membina perumahan mampu milik.

“Dalam hal ini, bank tanah milik Kerajaan Persekutuan sepatutnya dimanfaatkan untuk menjayakan agenda penyediaan perumahan mampu milik Pulau Pinang yang mempunyai kekangan tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah,” katanya dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 2 Jun lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H’ng Mooi Lye.

Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 hingga kini telah membekalkan sebanyak 136,333 unit RMM yang berada dalam pelbagai peringkat pembinaan.

“Sehingga Mei tahun ini, sebanyak 45,903 unit RMM kategori A, B dan C telah siap dibina; (18,354) sedang dalam pelbagai fasa pembinaan manakala baki 72,076 unit pula berada pada peringkat perancangan,” katanya yang juga ADUN Datok Keramat.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan semasa ditadbir oleh Pakatan Harapan telah meluluskan pelaksanaan dua projek Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) iaitu *Ideal Residensi* dan *Ideal Venice* di Gelugor secara usaha sama awam dan swasta.

“Di kawasan Seberang Perai pula, projek PRIMA Pauh Permai Residensi telah siap pada 14 September 2021 yang mana 1,017 unit telah selesai ditawarkan, manakala projek perumahan awam Konifer di Seberang Perai Utara telah dimulakan.

“Namun aktiviti pembinaan bagi projek ini agak perlahan dan dimaklumkan di bawah pemantauan KPKT,” ulasnya lanjut.

## Pulau Pinang rancang bida SUKMA 2028

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia membida untuk menjadi tuan rumah bagi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2028, maklum Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik pada sesi soalan lisan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 30 Mei lalu.

“Mesyuarat sebelum ini memang pernah cadangkan Pulau Pinang untuk anjur SUKMA, tetapi selepas tahun ini (2022) jawatankuasa akan memberi ruang 2024 kepada Johor dan Kelantan (2026)

“Tahun 2028 dimaklumkan ada kekosongan dan Kerajaan Negeri memang bersedia, cuma terpulang kepada Jawatankuasa Tertinggi SUKMA untuk buat keputusan,” jelas Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal.

Dalam perkembangan berkaitan, Lip Chee memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menjadikan Batu Kawan sebagai bandar sukan.

“Selepas Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSKLPP) ambil alih Stadium Negeri Batu Kawan pada 1 Julai 2020, pihak perbadanan telah bermesyuarat dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bersama-sama 46 persatuan di Pulau Pinang.

“Mesyuarat tersebut adalah berkaitan persatuan-persatuan sukan yang masih kekurangan atau tidak ada fasiliti dan kemudahan khusus.

“Setelah beberapa perbincangan, seperti saya jawab, memang Kerajaan Negeri merancang mahu mewujudkan bandar sukan merangkumi fasiliti penting yang masih tidak ada di Pulau Pinang,” ulasnya.



**SOON Lip Chee.**

# RM300,000 naik taraf taska dan pusat jagaan kanak-kanak




**GEORGE TOWN** – Sebanyak RM300,000 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setiap tahun untuk menaik taraf taman asuhan kanak-kanak (taska) dan pusat jagaan kanak-kanak di negeri ini bagi tempoh tiga tahun sehingga 2023.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa daripada jumlah itu, sebanyak RM194,000 geran peruntukan tersebut telah diluluskan bagi tahun pertama membabitkan 11 buah taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

"Ramai yang melihat perusahaan taska dan pusat jagaan kanak-kanak serta warga emas sebagai suatu perniagaan, tetapi bagi saya ia merupakan perkhidmatan sosial yang penting.

"Hal ini kerana, sehingga hari ini kerajaan sama ada negeri mahupun Persekutuan masih tidak mampu mewujudkan pusat seperti ini dan kita bergantung sepenuhnya kepada pihak swasta.

"Oleh itu, kita perlu melihat taska dan pusat jagaan ini sebagai khidmat masyarakat dan kita perlu menyalurkan segala bantuan yang termampu untuk membantu mereka menyediakan perkhidmatan terbaik.

"Sebab itulah, Kerajaan Negeri menyediakan geran peruntukan tersebut yang bertujuan untuk meringankan beban kewangan pengusaha taska serta pusat jagaan kanak-kanak bagi membantu mereka meningkatkan kualiti perkhidmatan," katanya dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 2 Jun lalu.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

Menurut Chong Eng, setakat ini, sebanyak 123 taska dan 461 Taman Didikan Kanak-Kanak (tadika) negeri ini mempunyai lesen sah manakala 45 (taska) dan 86 (tadika) lagi masih tidak


CHONG Eng.

berdaftar.

"Jumlah pusat jagaan warga emas yang berdaftar di negeri ini pula sebanyak 28 buah manakala tidak berdaftar (56)," jelasnya.

Justeru, beliau menyatakan bahawa pelbagai langkah telah diambil untuk membolehkan pengusaha memperoleh lesen antaranya menjalankan advokasi dan memberi khidmat nasihat kepada pengusaha yang terlibat.

"Malah, Kerajaan Negeri juga mengadakan taklimat serta sesi dialog bersama-sama pengusaha bagi memberi penerangan berkaitan proses pendaftaran.

"Kita juga menjalankan sesi konsultasi bagi mengenal pasti dan membantu pengusaha untuk berdaftar.

"Walaupun usaha ini dijalankan, masih ramai pengusaha yang tidak tampil untuk membolehkan mereka mendapatkan lesen," ulasnya lanjut.

Susulan itu, Chong Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang membuat pemantauan berkala terhadap taska dan pusat jagaan kanak-kanak sama ada yang berdaftar mahupun tidak berdaftar.

"Langkah ini bagi memastikan pengusaha taska dan pusat jagaan segera mendaftarkan operasi mereka mengikut akta serta peraturan dan syarat yang ditetapkan.

"Selain itu, notis peringatan juga akan dikeluarkan kepada pengusaha yang tidak berdaftar," jelasnya.

## Projek pelebaran jalan atasi kesesakan Bukit Tengah


ZAIRIL Khir Johari.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal melaksanakan beberapa projek pelebaran jalan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah yang semakin buruk ketika ini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, antara projek yang bakal dilaksanakan adalah membabitkan pelebaran jalan Permatang Tinggi dan Jalan Kebun Baru dekat Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan pelebaran jalan dan aliran kontra di Jalan Kebun Nenas dekat Juru bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan," katanya dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 1 Jun lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung.

Pada masa sama kata Zairil, Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk melaksanakan sistem Bas Rapid Transit (BRT) menerusi laluan Permatang Tinggi ke Seberang Jaya.

"Jarak laluan ini dianggarkan sejauh 15 kilometer (km) yang mana sebanyak 17 stesen telah dicadangkan.

"Walau bagaimanapun, pelaksanaan komponen ini masih dalam cadangan dan tertakluk kepada semakan pada masa hadapan dan kelulusan agensi yang berkaitan," jelasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menyatakan bahawa beberapa projek menaik taraf sedang dilaksanakan di kawasan Bukit Tengah ketika ini.

"Antaranya projek menaik taraf jalan daripada dua lorong kepada empat lorong di Jalan Tok Kangar bermula dari *Autocity* ke Persimpangan Jalan Tok Kangar dan di Jalan Juru Estate bermula dari persimpangan Tok Kangar ke Juru Estate yang kini masih dalam pembinaan.

"Selain itu, penaiktarafan jalan daripada dua lorong kepada empat lorong juga sedang dijalankan di Jalan Juru bermula dari Jalan Persekutuan ke persimpangan Jalan Tok Kangar.

"Manakala kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan pelebaran di persimpangan lampu isyarat Taman Perindustrian Bukit Minyak Utama telah siap dilaksanakan pada tahun 2019," ujarnya lanjut.

## Bantah projek takungan di Sungai Muda jika beri kesan negatif

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri membantah pelaksanaan projek Takungan Air Pinggiran Sungai di Sungai Muda sekiranya ia memberi kesan negatif kepada negeri Pulau Pinang.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mempertimbangkan beberapa tindakan termasuk membawa perkara tersebut ke mahkamah.

"Kesan akibat pelaksanaan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai di Sungai Muda masih belum diketahui tetapi sekiranya projek itu memberi kesan buruk kepada negeri Pulau Pinang, maka Kerajaan Negeri akan bertindak untuk menghentikannya serta-merta.

"Antara pilihan untuk memberhentikan pelaksanaan projek yang merugikan ini adalah termasuk mengemukakan bantahan rasmi kepada Kerajaan Persekutuan dan mengusulkan bantahan untuk dibahaskan di Parlimen.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut mempertimbangkan tindakan undang-undang untuk mendapatkan injunksi di mahkamah," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini 31 Mei lalu.

Tegas Zairil, sebarang projek baharu yang ingin dilaksanakan di Sungai Muda, Kedah dan hulu muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang perlulah mematuhi undang-undang Negeri dan Persekutuan.

"Projek sedemikian tidak boleh memberikan kesan buruk atau menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada 1.78 juta penduduk di Pulau Pinang.

"Krisis bekalan air di Pulau Pinang juga akan menyebabkan kerugian besar kepada semua perniagaan yang kini menyumbang sebanyak RM94.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2019.

"Oleh itu, kita tegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kedah tidak boleh menjalankan projek yang melibatkan Ulu Muda yang belum dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan," tambahnya.

Dalam pada itu, beliau yang juga ADUN Tanjong Bunga berkata bahawa ketika ini Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengabstrak lebih 80 peratus air mentah dari Sungai Muda untuk menghasilkan air terawat setiap hari.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus melindungi kepentingan Pulau Pinang berkenaan dengan jaminan bekalan air," katanya sambil menambah bahawa PBAPP akan berusaha untuk melaksanakan lebih banyak projek strategik di bawah Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) bagi mengurangkan risiko kemungkinan berlakunya musibah di Sungai Muda.

# Tiada rancangan tambah pusat jagaan ala Darul Hannan - TKMI




Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) belum mempunyai cadangan untuk penambahan pusat jagaan warga emas dengan konsep Darul Hannan sebagaimana sedia ada di Pongsu Seribu, Kepala Batas kini.

Penjelasan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman itu adalah sebagai mengulas cadangan Ketua Pembangkang Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor supaya dibina sebuah pusat jagaan warga emas baharu di atas tanah milik MAINPP dengan pembiayaan oleh Yayasan Bukhary.

"Cadangan penambahan lokasi adalah sesuatu yang baik daripada Yang Berhormat (Muhamad Yusoff), namun pihak MAINPP belum mempunyai cadangan untuk penambahan pusat jagaan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti semasa sesi penggulungan bersempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 Pulau Pinang di sini pada 2 Jun 2022.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua MAINPP turut memaklumkan bahawa sejak Darul Hannan mula beroperasi pada 1 Februari 2010, kompleks tersebut adalah terdiri daripada pelbagai kemudahan seperti bangunan asrama, 'anjung terapi', dewan makan, surau, wad terlantar, dewan serbaguna serta bilik seminar yang pada satu-satu masa boleh menampung kapasiti maksimum seramai 150 orang.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menjelaskan bahawa projek perintis Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) peringkat menengah yang bermula di tiga masjid sekitar daerah Seberang Perai Utara (SPU) kini telah berkembang di 11 buah masjid di seluruh negeri ini.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.**

"Pada tahun 2022, YIPP (Yayasan Islam Pulau Pinang) bercadang untuk memperluaskan program ini kepada lebih banyak masjid," ujarnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Untuk rekod, Pulau Pinang menjadi negeri kedua melaksanakan program 'KAFA Menengah' selepas negeri Selangor.

# Kemerosotan SSL ayam pedaging ekoran kurang ladang - Exco

**GEORGE TOWN** – Kemerosotan tahap sara diri (SSL) ayam pedaging di Pulau Pinang bagi tahun 2021 pada kadar 113.27 peratus berbanding tahun 2019 (140.86 peratus) sebenarnya berpunca daripada kekurangan bilangan ladang.

Mengulas lanjut, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa pada tahun 2019 terdapat 125 ladang di Pulau Pinang berbanding 2021 (120 ladang)

"(Kesan berantainya adalah) pengurangan populasi ternakan sebanyak 961,390 ekor.

"Pengurangan populasi ayam pedaging hampir 1 juta ekor ini memberi kesan besar kepada pengeluaran kerana tempoh pusingan ayam pedaging yang singkat dan pengeluaran lebih tinggi (5.5 hingga 6 kali setahun) jika dibandingkan sumbangan daripada ayam kampung (atau) ayam penelur serta pembaka takai," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dalam sesi penggulungan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 1 Jun 2022.

Penjelasan Norlela itu sekali gus menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Selain itu, Norlela turut memaklumkan bahawa 76,553.94 tan metrik (MT) anggaran pengeluaran daging ayam dan itik di negeri ini bagi tahun 2021 adalah menyamai SSL 113.27 peratus.

"Berlaku penurunan pengeluaran dari tahun sebelumnya (2020) sebanyak 3,201.19 tan metrik seiring dengan penurunan populasi bagi ternakan ayam," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Norlela turut memberi respons mengenai isu kenaikan harga ayam pedaging yang dikatakan berpunca daripada kenaikan nilai komoditi utama makanan ternakan seperti bijirin jagung dan soya pada peringkat global.



**DR. Norlela Ariffin.**

Menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian bersedia untuk mempertimbangkan permohonan Sijil Pendudukan Sementara (TOL) untuk tujuan pengeluaran makanan ternakan, jika ada permintaan.

Di samping itu, beliau turut mencadangkan 'beras hancur', petai belalang, kacang kelisa dan larva lalat baka '*Black Soldier Fly*' yang kaya dengan sumber tenaga dan protein untuk dijadikan 'ganti' makanan ternakan di ladang ayam.

## Usaha berjaya, peningkatan pelajar aliran STEM



**PROF. Dr. P. Ramasamy.**

**GEORGE TOWN** - Tempoh peralihan ke fasa endemik telah melonjakkan semula peluang pekerjaan di negeri Pulau Pinang sekali gus mengurangkan kadar pengangguran daripada 3.6 peratus pada 2021 kepada 2022 (3.3 peratus).

Perkara tersebut dimaklumkan Timbalan Ketua Meteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy pada Sesi Penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Penggal ke-14 di sini baru-baru ini.

Menurut Ramasamy, peralihan ke fasa endemik telah melonjakkan semula peluang pekerjaan serta merancakkan ekonomi negara dan khususnya di ini.

"Perkara ini boleh dilihat berdasarkan statistik tenaga buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bahawa kadar penggangguran di Pulau Pinang pada 2021 adalah 3.6 peratus atau membabitkan seramai 32,300 penganggur.

"Namun begitu, kadar ini telah turun kepada 3.3 peratus dengan seramai 30,100 penganggur bagi suku pertama tahun 2022 yang mana impak positif ini adalah hasil kesinambungan pelbagai inisiatif dan kerjasama pihak kerajaan dengan industri serta pelbagai pihak terbabit yang telah bersama-sama berganding bahu 'mengeluarkan' kita daripada cengkaman pandemik COVID-19.

"Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan usaha meningkatkan peluang pekerjaan, dan pada masa sama membangunkan modal insan berkualiti untuk memastikan ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi di Pulau Pinang adalah selaras dengan keperluan industri," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi.

Menyentuh mengenai pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Ramasamy menyatakan bahawa pendekatan Kerajaan Negeri menggalakkan dan memupuk minat dilihat berjaya ekoran peningkatan pelajar dalam aliran tersebut kini.

"Kerajaan Negeri sentiasa memberi fokus terhadap mata pelajaran STEM yang mana selain kepelbagaian program yang dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), penganjuran Karnival STEM yang merupakan aktiviti tahunan melibatkan guru serta murid bertujuan mencungkil bakat dalam bidang sains dan teknologi turut diadakan.

"Hal ini terbukti berdasarkan data bilangan pelajar di Tingkatan 4 kini yang mana menunjukkan peningkatan peratusan murid yang memilih aliran STEM seramai 46.58 peratus untuk tahun 2020 dan 2021 (49.25 peratus)," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

# Tiga cadangan dasar tambah baik kerjasama Negeri dan Pusat




**GEORGE TOWN** – Penubuhan Jawatankuasa Penambahbaikan Perhubungan Persekutuan-Negeri di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merupakan antara tiga cadangan dasar bagi menambah baik kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Dua lagi cadangan adalah membabitkan penubuhan Suruhanjaya Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Jawatakuasa Kerjasama Semua Negeri yang memerlukan komitmen daripada kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa cadangan tersebut dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Hubungan Negeri-Persekutuan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah baik hubungan antara Kerajaan Negeri dan kerajaan Pusat.

"Dengan ketidaktentuan politik dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan cabaran pandemik COVID-19 yang menjejaskan semua aspek kehidupan rakyat telah memperlihatkan betapa pentingnya keperluan penurunan kuasa serta penstrukturan semula kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

"Berdasarkan faktor tersebut, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menubuhkan sebuah jawatankuasa khas diketuai ahli akademik, Dr. Francis Loh Kok Wah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Institute, Dato' Dr. Ooi Kee Beng.

"Jawatankuasa khas ini adalah untuk mengenal pasti 'permasalahan' spesifik dalam hubungan Persekutuan dan negeri yang dihadapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk seruan pengagihan sumber yang lebih adil," katanya ketika membentangkan laporan interim Jawatankuasa Khas Hubungan Negeri-Persekutuan pada sidang media dekat Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini 30 Mei lalu.

Kon Yeow berkata, penurunan kuasa Persekutuan dalam pelbagai aspek adalah salah satu matlamat utama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang ketika ini.

"Selaras dengan aspirasi tinggi dan sebagai persediaan dalam menghadapi krisis serta cabaran ekonomi masa depan, Kerajaan Negeri telah menugaskan pelaksanaan kajian ini bagi mengenal pasti desentralisasi boleh dicapai dengan cepat, berjaya serta sistematik.

"Jadi, saya akan membawa cadangan-cadangan ini ke peringkat Kerajaan Negeri untuk diteliti dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya," ulasnya lanjut.

Pada masa sama, Kon Yeow mengulangi pendirian Kerajaan Negeri yang menuntut peruntukan pembangunan sebanyak RM5.2 bilion setahun berdasarkan sumbangan Pulau Pinang kepada Keluaran Dalam Negara Keluaran (KDNK) kira-kira 6.7 dan 6.9 peratus sejak tiga tahun lalu.

"Perlu diingatkan bahawa Pulau Pinang hanya menerima RM996 juta atau 1.3 peratus daripada keseluruhan RM75.6 bilion peruntukan untuk pembangunan," tegasnya.

Sementara itu, Hsiao-Leung berkata bahawa laporan interim yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Khas Hubungan Negeri-Persekutuan merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini.

"Isu pengagihan kuasa dan peruntukan yang tidak adil adalah satu perkara yang memberi kesan kepada semua negeri termasuk negeri Pulau Pinang.

"Justeru, inisiatif untuk mendapat kerjasama semua negeri di negara ini untuk mewujudkan kerjasama dan isu-isu yang berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan adalah sesuatu yang amat baik," ulasnya.

Difahamkan, penubuhan Jawatankuasa Khas Hubungan Negeri-Persekutuan adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk merealisasikan janji berhubung desentralisasi kuasa-kuasa kepada Kerajaan Negeri dalam bidang pengangkutan awam, kebajikan sosial, alam sekitar dan peruntukan yang lebih adil daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang terkandung dalam manifesto pada Pilihan Raya Umum Ke-14.

## Impak pandemik, Pulau Pinang masih kekalkan lapan penerbangan terus antarabangsa

**GEORGE TOWN** – Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan bagi menghadapi impak pandemik COVID-19 dalam kalangan pemain industri pelancongan dilaksanakan menerusi tiga fasa secara menyeluruh.

Menurut Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin, fasa satu adalah berkait pakej rangsangan ekonomi serta mitigasi segera, manakala fasa kedua adalah berkenaan pengurusan krisis dengan mengutamakan kempen promosi memfokuskan kepada pasaran domestik serta antarabangsa.

"Dalam pada itu, fasa ketiga adalah fokus pemulihan ekonomi dengan mengutamakan *'rebound & drive strategy'* ke Pulau Pinang daripada pasaran domestik serta antarabangsa.

"Sehingga kini, pelan-pelan ini telah berjaya membantu industri pelancongan mengemudi kesan wabak dengan baik dan berkembang kukuh," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Penggal ke-14 di sini baru-baru ini.

Pada sesi sama, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong memaklumkan mengenai Pelan Pengembalian Penerbangan Tradisional dan Penerokaan Laluan Penerbangan Terus.



**YEOH Soon Hin.**

"Setakat 30 Mei 2022, Kerajaan Negeri telah berjaya mengekalkan lapan penerbangan terus antarabangsa iaitu Singapura, Ho Chi Minh, Taiwan, Medan, Jakarta, Surabaya, Bangkok (*Suvarnabhumi Airport* dan *Don Mueang International Airport*).

"Serentak itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju dengan cadangan ADUN Pantai Jerejak (Datuk Seri Saifuddin Nasution) bahawa pentingnya pasaran Timur Tengah seperti Dubai.

"Pasaran ini adalah amat luas dan kerjasama boleh dilaksanakan daripada pelbagai aspek demi menjana peluang serta membawa manfaat kepada Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh," ulasnya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang meneroka pasaran baru seperti Wilayah Timur Tengah termasuk Dubai bagi menjadikan lokasi berkaitan sebagai hab kesambungan antara Pulau Pinang dan wilayah Timur Tengah.

## Kempen Keusahawanan Satu Budaya, tingkat kecekapan operasi

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menyambut baik saranan beberapa pihak untuk memperbanyakkan lagi latihan keusahawanan agar tidak ketinggalan dalam era ekonomi digital berteraskan perniagaan secara dalam talian.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2019 telah mengambil tindakan bagi memastikan para usahawan tempatan dapat berdaya saing dan sentiasa meningkatkan kecekapan operasi perniagaan masing-masing.

"Banyak program dan aktiviti bimbingan usahawan telah dilaksanakan sama ada melalui kaedah fizikal mahupun secara dalam talian untuk memastikan penglibatan yang lebih ramai.

"MMK Pembangunan Usahawan telah melatih seramai 1,617 usahawan termasuk menjalankan kursus pemasaran dalam talian antara tahun 2019 sehingga 2021," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di sini baru-baru ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung itu lagi, melalui *Digital Penang* beberapa program bimbingan usahawan telah dilaksanakan.

"Antaranya, Program Penang SME Go Digital dengan penyertaan seramai 6,389 usahawan dari kelompok industri kecil dan sederhana (IKS); Program DahDigital (13,196 usahawan IKS); Program Go E-Commerce (488 usahawan) dan Program Website-Know How secara dalam talian.

"Selain itu, melalui *Penang Halal International* (PHI) kerjasama dengan *Shopee* telah berjaya mendaftarkan 15,000 usahawan di bawah *microsite Shopee Penang E-Mall* dan sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 42,000 kedai dalam talian direkodkan dalam *microsite* ini.

"Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga menganjurkan pelbagai kursus keusahawanan dan bagi tahun 2022, PDC telah mengaturkan program serta bengkel keusahawanan bermula April sehingga Disember 2022," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Halim memberitahu bahawa di bawah MMK Pembangunan Usahawan juga, pihaknya bakal memperkenalkan Kempen Keusahawanan Satu Budaya.



**ABDUL Halim Hussain.**

"Program ini bertujuan membudayakan semangat keusahawanan dalam kalangan warga negeri ini melalui lima objektif.

"Membudayakan keusahawanan; mewujudkan pekerjaan; membina daya kreatif dan inovasi; menggalakkan keusahawanan sebagai satu kerjaya dan menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah selaras Visi Penang2030.

"Walau bagaimanapun, perincian mengenai kempen ini masih dalam peringkat penelitian dan akan diumumkan dalam waktu terdekat ini," jelasnya.

Difahamkan, selain seminar dan kursus keusahawanan yang bakal dijadikan sebagai satu budaya, kempen ini turut merangkumi aktiviti seperti jelajah usahawan, minggu dan ekspo usahawan serta Hari Anugerah Usahawan Pulau Pinang.

# Belia diseru lebih berani, keluar kepompong isolasi

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**




**KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee (barisan pertama, lima dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif jemputan merakam gambar kenangan bersempena Majlis Penghargaan Sukarelawan Belia Pulau Pinang 2022 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru agar barisan sukarelawan belia bersikap lebih berani dan keluar dari kepompong isolasi.

"Pada pendapat saya, rata-rata mereka (belia) yang bersifat demikian akan merasa lebih berani untuk mencuba serta lebih berkeyakinan di khalayak umum, gemar bergaul dan seterusnya keluar daripada kitaran kecil.

"Harapan saya agar barisan belia dapat mengikis sikap negatif dalam diri, dan seterusnya menyemai sikap yang positif sehingga mampu memberi impak bukan sahaja terhadap masyarakat, malahan juga alam sekitar selaras dengan Visi Penang2030," ujarnya pada Majlis Penghargaan Sukarelawan Belia Pulau Pinang 2022 di sini 14 Mei lalu.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Dr. Gwee Sai Ling.

Pada majlis berkaitan, seramai lima sukarelawan menerima Anugerah Sumbangan Kecemerlangan Khidmat Melebihi 35 Jam manakala Anugerah Khidmat Melebihi 10 Jam (91).

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa bagi mewujudkan masyarakat maju serta progresif, penglibatan golongan belia adalah amat penting dan perlu dimaksimumkan.

"Diharapkan platform sedia ada diaplikasikan sebaik mungkin bagi membuka ruang dan peluang kepada para sukarelawan belia mencabar diri.

"Hal ini kerana pendedahan awal adalah sangat berguna terutamanya dalam aspek pembangunan belia secara holistik di samping dapat meningkatkan semangat kepimpinan komuniti yang tinggi," ulasnya sambil menyifatkan semangat berkaitan perlu diterapkan oleh semua pihak.

Tambah Kon Yeow, program Penghargaan Sukarelawan Belia Pulau Pinang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan platform boleh diceburi golongan belia terutamanya melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan.

"Sebagai makluman, pelbagai platform telah dirangka dan disusun untuk disesuaikan dengan model kesukarelawan yang turut meliputi pelbagai aspek pemerkasaan dan pemantapan kendiri," jelasnya sambil berkongsi bahawa program tersebut berjaya menarik minat seramai 2,200 belia setakat ini.

Difahamkan, program Penghargaan Sukarelawan Belia Pulau Pinang yang dilancarkan sejak dua tahun lalu adalah bertujuan meraikan para sukarelawan yang telah banyak menyumbang kudrat mereka kepada masyarakat keseluruhan.

## PBS Berapit kini dilengkapi jentera bomba baharu

**BERAPIT -** Persatuan Bomba dan Sukarela (PBS) Berapit Bukit Mertajam kini memiliki seunit jentera bomba bertangki baharu dengan kapasiti 900 liter (l) yang diimport dari negara Jepun.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pihaknya menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000 di samping sumbangan tambahan daripada beberapa pihak lain termasuk Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit sehingga membolehkan pasukan itu membeli jentera baharu berharga RM75,000.

“Kerajaan Negeri sedia maklum dengan kekangan yang dihadapi oleh pasukan (PBS) selama ini yang asalnya hanya memiliki satu unit jentera bertangki dengan kapasiti 1,200 liter dan berkhidmat melebihi 20 tahun.

“(Sehubungan itu,) saya berharap dengan penggunaan jentera yang baharu ini, ia dapat terus mempertingkatkan prestasi serta keupayaan keselamatan pasukan, sekali gus memudahkan tugasan ketika operasi kecemasan,” jelasnya di perkarangan balai persatuan berkenaan dekat Taman Pearl baru-baru ini.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa pentadbirannya senantiasa menghargai sumbangan pasukan bomba kepada masyarakat.

“Dengan adanya pasukan bomba sukarela dalam komuniti, mereka akan mengambil tindakan awal sekiranya berlaku kebakaran sebelum ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

“Kerajaan Negeri amat menghargai segala usaha dan keringat yang telah diberikan oleh semua pasukan sukarelawan daripada pelbagai bidang yang sungguh bersemangat dan sanggup mengambil risiko demi berkhidmat kepada masyarakat serta negeri,” ujarnya di sini.

